



IBU PEJABAT,  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,  
MALAYSIA,  
LEBUH WAWASAN, PRECINCT 7,  
62250 PUTRAJAYA.

Telefon : 603-88880036  
Faks : 603-88880962  
Laman Web : [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)  
E-mail : [korporat@bomba.gov.my](mailto:korporat@bomba.gov.my)

‘CEPAT DAN MESRA’

Ruj. Kami: JBPM:PAW/013/20/2 (4 )

Tarikh : 18 Januari 2011

## SIARAN MEDIA

### PERUNTUKAN JENTERA BARU UNTUK BALAI BOMBA SELURUH MALAYSIA

PUTRAJAYA 18 Januari 2011 – Semua balai bomba dan penyelamat di seluruh negara telah menerima sekurang-kurangnya satu jentera baru tambahan atau gantian daripada perolehan kelengkapan dalam RMK-9.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Wira Chor Chee Heung berkata, dalam RMK-9, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia telah membuat perolehan sebanyak 309 buah jentera bomba yang terdiri daripada 200 unit *Light Fire Rescue Tender* (LFRT) dan 109 buah *Fire Rescue Tender* (FRT) dengan kos sebanyak RM 413 juta.

Beliau berkata demikian semasa mengadakan sidang media sempena Majlis Penyerahan Jentera di Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat di sini hari ini.

“Antara jenis kenderaan untuk tujuan operasi khas Jabatan Bomba ialah 7 unit Hazmat bagi kegunaan operasi tumpahan bahan kimia, 10 unit *Breathing Apparatus Tender Vehicle* untuk menggerakkan kemudahan pengisian tabung-tabung alat pernafasan, 5 unit *High Capacity Foam*

*Monitor* untuk operasi pemadaman di loji penapisan minyak dan kawasan perindustrian, 40 unit *Rapid Rescue Vehicle* untuk operasi menyelamatkan kemalangan jalan raya dan 10 unit *Fire Investigation Vehicle* bagi menggerakkan Pegawai Penyiasat bersama peralatan siasatan ke lokasi operasi kebakaran”, tambah Chor lagi. Kos perolehan kenderaan operasi khas ini bernilai RM81 juta.

Menurut Chor, selain kenderaan untuk kegunaan Jabatan Bomba, kelengkapan peralatan Pasukan Bomba Sukarela turut dipertingkatkan lagi dengan penyerahan sebanyak 70 buah *Volunteer Fire Response Vehicle* yang kesemuanya bernilai RM6.5 juta.

Tambah Chor lagi, jumlah keseluruhan nilai perolehan bagi Pasukan Bomba Sukarela sejak tahun 2007 mencecah RM17.05 juta manakala jumlah pasukan sejak tahun 2006 hingga 2010 adalah sebanyak 350 dengan jumlah keahlian seramai 13,917 anggota.

\*\*\*\*\*

*Dikeluarkan oleh:*

*Bahagian Pengurusan Korporat, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia, Lebuh Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya. Tel+60388880036, Faks: +60388880840; Emel: [korporat@bomba.gov.my](mailto:korporat@bomba.gov.my); Untuk keterangan lanjut sila hubungi Sobberi Basiran, PKP Pengurusan Korporat [sobberi\\_64@bomba.gov.my](mailto:sobberi_64@bomba.gov.my); [sobberi\\_64@yahoo.com](mailto:sobberi_64@yahoo.com) atau Encik Mohd Azmi Abd Majid di talian 038880036 ext. 325/017-6826205 atau emel [m.azmi@bomba.gov.my](mailto:m.azmi@bomba.gov.my), pegawai penerangan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia (JBPM).*